

# Jatuh cinta kepada gamelan

TEPAT seperti kata pepatah: Tak kenal maka tak cinta.

Bagaimanapun, cinta Kaoru Iijima dari Jepun, tidak datang dari mata dan terus jatuh ke hati. Ia lebih daripada cinta selepas terpikat oleh alunan muzik. — **1 SEP 1988**

Iijima, merupakan gadis tunggal dari negaranya yang menyertai Kejohanan Pencak Silat Undangan Antarabangsa Singapura, dan berakhir kelmarin.

"Saya hanya menyertai acara silat kesenian," kata mahasiswa Hawaii itu.

"Sebenarnya, saya mula mengetahui silat hanya selepas mengikuti kelas muzik tradisional, yang merupakan salah satu daripada cabang muzik yang perlu saya pelajari untuk mendapatkan ijazah," kata Iijima.

Pada masa itu beliau menyertai kumpulan yang mengkaji mengenai muzik 'gamelan' di universiti tersebut.



**KAORU IIJIMA:** Keinginannya berputik selepas mendengar muzik gamelan.

"Kemudian saya ketemu dengan Pak Uyuh, dari Indonesia yang singgah di universiti kami sewaktu dalam perjalanannya dari California untuk pulang ke Jakarta. Beliaulah yang memperkenalkan saya dengan silat

yang diiringi oleh muzik gamelan," kata Iijima.

Tambahnya: "Ia merupakan satu daya gerakan yang unik, bukan setakat hanya seni untuk mempertahankan diri, malah alunan gamelan yang saya dengar itu juga mempunyai bunyi yang tersendiri."

"Bagaimanapun, buat diri saya, seni silat kesenian itu adalah lebih sesuai untuk saya," kata gadis Jepun yang berwajah lembut tanpa mahu menerangkan usianya.

Tertarik untuk mendalami bidang silat dan muzik tersebut, Iijima pergi ke Bandung, Indonesia dalam Julai lepas, jelas gadis Jepun yang meneruskan pelajarannya di Hawaii sejak 1980 yang lalu. "Saya mungkin berada di Bandung untuk empat bulan." — **MOHD SANI ALI.**

# Fasih bahasa Jawa

SALAH seorang pengadil dari Australia ke Kejohanan Pencak Silat Antarabangsa Undangan Singapura dan yang berakhir di sini kelmarin, fasih berbahasa Indonesia.

Bukan itu saja, malah beliau fasih juga berbahasa Jawa.

Keadaan ini mungkin agak mengejutkan para pesilat setempat, namun jika ditinjau dari latar belakangnya ia tidak menghairankan.

Ini disebabkan Jan de Jong, pengadil yang dimaksudkan itu dilahirkan dan dibesarkan di Semarang, Indonesia. "Saya berada di sana 30 tahun sebelum berpindah ke Australia," kata Jan yang mempunyai darah kakocan Belanda dan Perancis.

Bagaimanapun, hidup dan dibesarkan dikalangan masyarakat Indonesia itu memberikannya peluang keemasan untuk mengenali seni mempertahankan diri — pencak silat.

"Saya berguru dengan mahaguru silat yang bernama Soehadi, malah saya bersama-sama beberapa anak murid saya telah berkesempatan berkunjung ke tempat kediamannya di Semarang tahun lalu," kata Jan.

Dengan kelebihan berbahasa Indonesia itulah rombongan Jan mendapat banyak manfaat dari kunjungan ke Jawa itu.

"Saya juga turut mempelajari dan mendalami satu lagi seni pertahanan yang dikenali sebagai Ju Jitsu," terang Jan, 69

tahun— **1 SEP 1988**

Menyentuh perkembangan silat di Australia, Jan menerangkan, seni mempertahankan diri ini berkembang dengan baik di Perth, Brisbane, Canberra dan Adelaide.

Jan, yang sering bertugas sebagai pengadil dalam kejohanan Ju Jitsu di beberapa buah tempat di Australia. Ini memberikan kesempatan kepadanya



**JAN DE JONG:** Memahami budaya Jawa kerana tinggal di Semarang 30 tahun.

untuk memperkenalkan seni pencak silat ke tempat-tempat di mana beliau bertugas.

"Sebenarnya saya juga sering menerima undangan menjadi pengadil kejohanan seni mempertahankan diri di Eropah sejak 1980.